



Mohd Fady Samsudin
fady@hmetro.com.my

Latih pemain Liverpool

■ Anak Malaysia kongsi kepakaran dengan kelab bola sepak terkemuka dunia

Kuala Lumpur

"Sukar dipercayai apabila saya diberi peluang berharga menabur khidmat bakti serta berkongsi kepakaran bagai melatih pemain terkemuka Liverpool," kata anak kelahiran Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan, Firdaus Maasar, 30, yang berbangga dapat menambah pengalamannya di kelab berkenaan sejak tahun lalu.

Katanya, beliau dirugaskan memberi khidmat kepakaran sains sukan serta membantu Jabatan Sains Sukan Liverpool mengendalikan latihan kecergasan terhadap semua pemain.

"Skuad utama Liverpool kini bawah pakar kecergasan baharu Andreas Kornmayer yang dibawa masuk oleh pengurus Liverpool Jurgen Klopp untuk mengisi jawatan sebagai Ketua Bahagian Kecergasan dan Kesihatan," katanya yang berinteraksi dengan wartawan Harian Metro melalui Facebook (FB).

Firdaus yang juga penuntut Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sains Sukan dan Fisiologi Universiti John Moores Liverpool berkata, pembabitannya dengan Liverpool bertitik tol apabila program pengajiannya diletakkan di bawah program pertukaran 'Exchange Football Department'.

"Program itu membolehkan saya memberi khidmat

kepakaran sains sukan kepada kelab di Eropah termasuk Liverpool.

"Selain itu, pemilihan saya ini juga berdasarkan pengalaman saya sebelum ini yang pernah berkhidmat sebagai pembantu saintis sukan untuk skuad bawah 21 Kelab Bola Sepak Wolverhampton Wanderers FC bagi musim 2014 dan 2015," katanya.

Kisahinya mula menjadi perhatian dan bualan terutama peminat Liverpool di Malaysia selepas wajahnya tertera dalam laman web rasmi kelab itu awal Julai lalu.

Paparan itu menyebabkan ramai rakannya yang mengetahui dia peminat utama Manchester United mengisikannya dengan mengatakan dia kini sudah bertukar kelab.

Kotika itu, gambar berkenaan menunjukkan dia berada di padang bersama beberapa pemain Liverpool termasuk Kevin Stewart, Sadio Mane dan Marko Grujic menjalankan latihan pertama pramusim di Melwood, di bawah bimbingan Jurgen Klopp.

Menurut Firdaus, dia terkejut dan tidak menyangka gambarnya menjadi viral di FB.

"Sejak itu, saya menerima lebih 1,000 permintaan yang mahu menjadi kenalan ba-



FIRDAUS bersama isteri dan tiga anak mereka

'Tanjung' cukup teliti nilai pemain

Kuala Lumpur: "Sebagai rakan selain pernah bekerja dalam pasukan sebelum ini, saya berasa bangga apabila Firdaus berjaya meletakkan dirinya rakyat Malaysia pertama berkhidmat untuk pasukan terkemuka Liverpool," kata Mohd Farid (gambar) Dewan, 37.

Menurutnya, ketika dia memegang jawatan Pengurus Pasukan Piala Presiden Kelab Bola Sepak Sime Darby (SDFC) tahun lalu Firdaus menjalankan kerjanya dengan cukup berkesan.

"Ketika itu, dia pulang ke Malaysia selepas menamatkan pengajian peringkat Master di Universiti Birmingham, United Kingdom (UK).

"Sementara menunggu tawaran melanjutkan pengajian peringkat

Ijazah Doktor Falsafah (PhD), dia dilantik sebagai jurulatih kecergasan bagi membuat analisis serta menyediakan graf ujian kecergasan, kardiologi serta otot setiap pemain," katanya kini berkhidmat sebagai Pegawai Belia Dan Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mohd Farid menyifatkan Firdaus yang mesra dipanggil 'Tanjung' itu bekerja dengan cukup teliti apabila melakukan penilaian kepada setiap pemain bagi menentukan pasukan berada tahap terbaik.

"Buktinya, pasukan piala presiden SDFC mengharungi perlawanan awal musim tanpa sebarang kekalahan.

"Bagaimanapun, dia tidak dapat meneruskan khidmatnya apabila menerima tawaran menyambung pengajian peringkat PhD di UK," katanya.



haru FB. Rata-rata mereka mengucapkan tahniah kepada saya kerana berjaya menempatkan diri sebagai seorang daripada tenaga pelatih dalam skuad utama Liverpool," katanya yang kini menetap di Wavertree, Liverpool dan dijangka menamatkan pengajian pada 2019.

Pembabitannya juga atas kepercayaan pensyarahnya, Dr Andrew Hulton yang juga seorang daripada tenaga pakar memantau latihan skuad

kebangsaan England.

"Beliau memberi peluang kepada saya menyumbang kepakaran kepada pasukan utama Liverpool pada musim ini.

"Selain itu, penyelidikan PhD saya memfokuskan kepada 'Training Load and Performance in Football'. Yang bagus, peluang bekerjasama dengan saintis sukan di Liverpool ini sedikit sebanyak membantu saya dari segi pertukaran kepakaran," katanya.

Ditanya rutin hariannya, bapa kepada tiga cahaya mata itu memberitahu untuk persiapan pramusim dia bersama pasukan kerap ke pusat latihan di Melwood.

"Ketika pramusim ini memang ada banyak kerja perlu dilakukan kerana saya perlu melakukan pemeriksaan kecergasan ke atas setiap pemain akademi serta skuad utama Liverpool," katanya.

Katanya, pengajian di Universiti John Moores Liverpool dijangka tamat paling

awal pada April 2018.

"Saya akui, peluang bekerja dalam bidang sukan di United Kingdom ini agak kompetitif kerana penawaran melebihi permintaan.

"Sekarang saya tidak terikat dengan mana-mana pihak sama ada universiti atau pasukan. Sehubungan itu, saya akan cuba mengutip sebanyak mungkin pengalaman di sini dan tidak menolak kemungkinan menerima tawaran pasukan atau organisasi di Malaysia berminat mendapatkan khidmat saya nanti," katanya.

Jika berpeluang berkhidmat dengan mana-mana pasukan di Malaysia, dia berazam melaksanakan sains sukan secara menyeluruh bagi melonjak prestasi pemain.

"Perkara ini mungkin membabitkan kos yang tinggi, namun saya pernah buktikan ketika bersama pasukan piala presiden Sime Darby tahun lalu.

"Pihak pengurusan Sime Darby ketika itu memberi kepercayaan penuh kepada saya membangunkan kecergasan dan prestasi pemain," katanya.

Ditanya pandangannya mengenai pengendali Liverpool Jurgen Klopp, Firdaus menyifatkan pengurus bola sepak bertaraf dunia itu seorang yang mudah mesra dan murah dengan senyuman.

MOHD FIRDAUS MAASAR

Bapa: Maasar Maasin (bekas tentera)

Ibu: Norlia Kasim

Anak ke-6 daripada 8 beradik

Asal: Kampung Bukit Merah, Tanjong Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Bilangan anak: Tiga (Dua perempuan dan seorang lelaki)

Pendidikan

• Sekolah Rendah Kebangsaan Dato Idris, Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan (1993-1998)

• Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Abdul Samad, Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan (1999-2003)

• Diploma Pengajian Sukan, UTM Arau (2004-2007)

• Sarjana Muda Sains Sukan (kepujian) UTM Shah Alam (2007-2009)

• Master in Science (MSc) Exercise & Sport Science, University of Birmingham, UK (2013-2014)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

• PhD Applied Sport Science /Physiology, Liverpool John Moores University, United Kingdom (2015-sekarang)

PROFIL